

KOMPILASI SOALAN DAN SKEMA  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023  
PENDIDIKAN ISLAM

SOALAN 4  
BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH

NEGERI SEMBILAN  
PULAU PINANG  
TERENGGANU  
PUTRAJAYA  
KELANTAN  
SELANGOR  
SARAWAK  
PAHANG  
MELAKA  
PERLIS  
SABAH  
KEDAH  
PERAK  
JOHOR  
SBP

DISUSUN OLEH  
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG  
ZulHana7096@UstazahRohana  
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN  
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

BAHAGIAN SIRAH		
NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
<b>KERAJAAN UMAIYAH</b>		
	Kerajaan Umayyah memerintah dari tahun 41 hijrah hingga 132 hijrah	
1	<p>Nyatakan sejarah kerajaan Umaiyyah secara ringkas. <b>[2 markah]</b> <b>Nyatakan secara ringkas sejarah kerajaan Umayyah dari aspek berikut: (Kelantan &amp; Pulau Pinang)</b></p> <p><b>(1) Pengasas</b> <b>(2) Pusat pemerintahan</b></p> <p><b>sejarah kerajaan Umaiyyah secara ringkas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Asal penubuhan :Bersempena nama Umaiyyah bin Abd Syams</li> <li>- Pengasas :Muawiyah bin Abi Sufian</li> <li>- Tempoh memerintah :41-132 Hijrah</li> <li>- Keluasan kerajaan : Meliputi sebahagian besar benua Afrika,Asia dan Eropah</li> <li>- Bilangan khalifah : 14 orang khalifah</li> <li>- Khalifah pertama : Muawiyah bin Abi Sufian</li> <li>- Khalifah terakhir : Marwan bin Muhammad</li> <li>- Pusat pemerintahan : Damsyik ,Syiria</li> </ul>	Melaka Johor Kelantan Pulau Pinang
2	<p>Senaraikan <b>dua</b> orang khalifah yang terkenal dalam kerajaan Umayyah <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Dua orang Khalifah Umayyah yang terkenal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Muawiyah bin Abi Sufian</li> <li>- Abdul Malik bin Marwan</li> <li>- Al-Walid bin Abdul Malik</li> <li>- Umar bin Abdul Aziz</li> </ul>	Perak Perlis SBP Sarawak
3	<p>Jelaskan <b>dua</b> sumbangan Khalifah Abdul Malik bin Marwan <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua sumbangan Khalifah Abdul Malik bin Marwan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menetapkan bahasa arab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara.</li> <li>- Mencetak mata wang dinar Islam pertama bertulisan arab dan berteks al-quran.</li> <li>- Menaik taraf perkhidmatan pos/ sistem pengangkutan awam.</li> <li>- Menubuhkan Dewan al-Jund untuk mengurus pertahanan negara.</li> <li>- Mengarahkan pembinaan 'Qubbatul Sakhra' di Baitul Maqdis.</li> </ul>	Kelantan N9
4	<p>Jelaskan dua sumbangan khalifah berikut</p> <p>a) Muawiyah bin Abi Sufian b) Umar bin Abdul Aziz</p> <p><b>Dua sumbangan khalifah berikut :</b></p> <p><b>(a) Muawiyah bin Abi Sufian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal.</li> <li>- Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda</li> <li>- Memperkenalkan cap mohor rasmi kerajaan Umaiyyah</li> <li>- Menubuhkan jabatan setiausaha, jabatan cukai dan jabatan urusan awam</li> <li>- Memperkasakan armada laut</li> </ul> <p><b>(b) Umar bin Abd Aziz</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengecualikan bayaran cukai jizyah terhadap kafir zimmi</li> <li>- Mengeluarkan arahan rasmi untuk membukukan hadis Rasulullah saw.</li> <li>- Membina rumah transit untuk para pedagang</li> <li>- Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat</li> <li>- Mengasaskan dewan penasihat yang dianggotai oleh para ulama.</li> </ul>	Johor Pulau Pinang (Umar bin abdul Aziz) Selangor (Muawiyah)

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
5	<p>Jelaskan <b>dua</b> faktor kegemilangan kerajaan Umaiyyah dari aspek pendidikan. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>Dua faktor kegemilangan kerajaan Umaiyyah.dari aspek pendidikan.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadikan masjid dan istana sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan</li> <li>- Galakkan daripada khalifah Abd Malik bin Marwan dan Umar Abd Aziz agar rakyat menguasai pelbagai ilmu nakli seperti Al Quran,Tafsir,hadis dan nahu.</li> </ul>	Melaka
6	<p>Jelaskan <b>dua</b> faktor kegemilangan kerajaan Umaiyyah dari aspek Ketenteraan <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Jelaskan dua faktor kegemilangan kerajaan Umaiyyah dari segi ketenteraan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin danbersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.</li> <li>- kemudahan pengkalan tentera dan kapalperang yangdilengkapi dengan peralatan perang yang sanggih</li> <li>- adaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerakan daripada Parsi.</li> </ul>	Perlis
7	<p>Jelaskan dua faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dari sudut ekonomi</p> <p><b>Dua faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dari sudut ekonomi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan baitul mal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan</li> <li>- Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara</li> </ul>	SBP Pulau Pinang
8	<p>Jelaskan <b>dua</b> faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah dari aspek politik. <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah dari aspek politik :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dalam kalangan keluarga.</li> <li>- Pemberontakan oleh puak Syiah, Khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umaiyah</li> </ul>	Perak Kelantan Sarawak
9	<p>Jelaskan dua faktor kemerosotan kerajaan Umayyah dari aspek akhlak <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua faktor kemerosotan kerajaan Umaiyyah dari aspek akhlak :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan.</li> <li>- Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah/ cenderung kepada hiburan/ kekejaman</li> </ul>	Johor Kelantan N9 Selangor
10	<p>Terangkan <b>dua</b> iktibar yang diperolehi daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah.<b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua iktibar yang diperolehi daripada pemerintahan kerajaan Umayyah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dalam urusan kepimpinan (1m) agar syariat Islam dapat ditegakkan (1m)</li> <li>- Kita hendaklah mencontohi sifat – sifat mulia yang ada pada khalifah Islam (1m) seperti zuhud, tegas,berilmu dan bijaksana.(1m)</li> <li>- Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat (1m ) agar hidup harmoni.(1m)</li> <li>- Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan (1m) agar mengeratkan kasih sayang (1m)</li> <li>- Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi (1m) dalam mempertahankan kedaulatan negara (1m)</li> <li>- Kita hendaklah berusaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan (1m) agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam(1m)</li> </ul>	Perak Sarawak N9

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
	<b>KERAJAAN ABASIYYAH</b>	
	Kerajaan Abasiyyah merupakan kerajaan Islam yang terkenal	
1	<p>Siapakah pengasas kerajaan Abasiyyah. <b>(1 markah)</b></p> <p><b>Pengasas kerajaan Abasiyyah ialah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali As Saffah</li> <li>- Abu Abdullah As Saffah</li> </ul>	Terengganu Kedah
2	<p>Nyatakan sejarah kerajaan Abasiyyah secara ringkas <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Sejarah kerajaan Abbasiyyah secara ringkas:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Asal penubuhan : Bersempena nama saudara Rasulullah SAW iaitu Al-Abbas Bin Abdul Mutalib.</li> <li>- Pengasas : Abu Al-Abbas Abdullah Bin Muhammad Bin Ali Al-Saffah.</li> <li>- Tempoh pemerintahan : Selama 524 tahun, iaitu bermula dari tahun 132 hijrah hingga tahun 656 hijrah.</li> <li>- Keluasan kerajaan : Meliputi sebagian besar benua afrika, asia dan eropah.</li> <li>- Bilangan khalifah : 37 orang khalifah</li> <li>- Khalifah yang terkenal : <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Abu Al-Abbas Abdullah Bin Muhammad Bin Ali Al-Saffah.</li> <li>2. Abu Ja'far Abdullah Muhammad Bin Ali Al-Mansur.</li> <li>3. Harun Al-Rasyid Bin Muhammad Al-Mahdi Bin Al-Mansur Al-Abasy.</li> <li>4. Abu Ja'far Abdullah Al-Makmum Bin Harun Al-Rasyid</li> </ul> </li> <li>- Khalifah terawal : Abu Al-Abbas Abdullah Bin Muhammad Bin Ali Al-Saffah.</li> <li>- Khalifah terakhir : Al-Mustaksim Billah Abdullah Bin Mansur Al-Muntansir Billah.</li> <li>- Pusat pemerintahan : Baghdad, Iraq.</li> </ul>	Pahang Sabah Selangor 2
3	<p>Jelaskan <b>dua</b> sumbangan yang diberikan oleh Khalifah Abu Abbas Abdullah bin Muhammad. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>Dua sumbangan yang diberikan oleh Khalifah Abu Abbas Abdullah ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengasaskan Kerajaan Abbasiyyah</li> <li>- Mengembalikan keamanan dengan mematahkan serangan luar dari Parsi dan Byzantine</li> <li>- Menstabilkan keamanan dalam negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan Syiah dan Khawarij</li> </ul>	Sabah
4	<p>Nyatakan tiga sumbangan khalifah harun Al Rashid dalam membangunkan kerajaan Abasiyyah</p> <p><b>Tiga sumbangan khalifah Harun al-Rasyid dalam membangunkan Kerajaan Abbasiyyah ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memperkemas sistem percukaian Islam / berpandukan Kitab al- Kharaj.</li> <li>- Mewujudkan jawatan Ketua Hakim Negara / <i>Qadi al-Qudat</i>.</li> <li>- Membina Baitul Hikmah / perpustakaan agung.</li> <li>- Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan, keilmuan dan kebudayaan.</li> <li>- Membina kemudahan awam / seperti farmasi dan pusat pengajian.</li> <li>- Menubuhkan majlis <i>al-Munazarah</i> / sebagai pusat penyelidikan ilmu agama.</li> <li>-</li> </ul> <p><b>Catatan: Jawapan ini sahaja diterima</b></p>	Kedah
5	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan Baitul Hikmah? <b>[2 markah]</b></p> <p><b>Maksud Baitul Hikmah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perpustakaan terulung (1m) yang menempatkan terjemahan pelbagai karya asing (1m).</li> </ul>	Putrajaya 2

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
6	<p>Jelaskan peranan Baitul mal pada zaman Kerajaan Abasiyah</p> <p><b>Peranan Baitul Hikmah pada zaman Kerajaan Abbasiyyah ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perpustakaan yang menempatkan terjemahan pelbagai karya asing/1m seperti bahasa Yunani / Parsi / Cina / India ke dalam Bahasa Arab</li> </ul>	Kedah
7	<p>Jelaskan dua faktor kegemilangan kerajaan Abasiyah dari aspek <b>pendidikan (4 markah)</b></p> <p><b>Dua faktor kegemilangan Kerajaan Abbasiyyah dari aspek pendidikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti penterjemahan bahasa asing ke dalam Bahasa Arab /menggalakkan penguasaan dan kemahiran pelbagai disiplin ilmu</li> <li>- Perkembangan pelbagai bidang ilmu berjaya melahirkan ramai sarjana dan ilmuan Islam seperti Ibu Sina, Jabir Al hayyan dan al Idrisi</li> <li>- Galakan Khalifah seperti al makmun dengan memberi biasiswa kepada pelajar cemerlang</li> <li>- Kemudahan institusi pendidikan seperti masjid, istana khalifah, perpustakaan dan pusat pengajian yang berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu</li> </ul>	Terengganu
8	<p>Jelaskan <b>dua</b> faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek sosial. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek sosial:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Layanan yang adil daripada khalifah dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan.</li> <li>- Kebebasan mengamalkan agama mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat.</li> <li>- Orang yang bukan Arab khususnya orang Parsi diberikan peluang memegang jawatan utama dalam pentadbiran negara</li> </ul>	Putrajaya 2
9	<p>Terangkan dua faktor kemerosotan kerajaan Abasiyyah dari aspek <b>sosial. (4 markah)</b></p> <p><b>Dua faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyyah dari aspek sosial.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebajikan rakyat terabai akibat kelemahan pentadbiran khalifah.</li> <li>- Pemberontakan dalam kalangan puak syiah dan khawarij sehingga mengganggu ketenteraman awam.</li> </ul>	Pahang Selangor 2
10	<p>Terangkan dua faktor kemerosotan kerajaan Abasiyah dari aspek politik</p> <p><b>Dua faktor kemerosotan Kerajaan Abbasiyah dari aspek politik ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Campur tangan pegawai berbangsa Parsi dan Turki/1m dalam pemerintahan./1m</li> <li>- Perebutan kuasa antara khalifah seperti al-Muntasir dan al-Muktaz/1m menyebabkan institusi khalifah menjadi semakin lemah./1m</li> <li>- Perpecahan beberapa wilayah/1m sehingga memberi peluang kepada pembentukan kerajaan kecil seperti Sajuk dan Buwaih./1m</li> </ul>	Kedah
11	<p>Terangkan dua iktibar yang diperolehi daripada pemerintahan kerajaan Abasiyyah <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua iktibar yang diperolehi daripada pemerintahan kerajaan Abbasiyyah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa untuk menerajui kepimpinan (1m) supaya urusan pentadbiran berjalan lancar (1m).</li> <li>- Kita hendaklah mencontohi dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran (1m) agar menjadi contoh ikutan terbaik (1m).</li> <li>- Kita hendaklah memanfaatkan sumber yang ada dengan bijak (1m) agar mampu bersaing di peringkat global (1m).</li> <li>- Kita hendaklah memiliki perasaan cinta akan negara (1m) dengan meningkatkan amalan patriotisme dalam diri (1m).</li> <li>- Kita hendaklah mengeratkan persaudaraan antara kaum (1m) agar keharmonian terpelihara (1m).</li> <li>- Kita hendaklah memperbanyak penerokaan ilmu (1m) agar kegemilangan tamadun Islam terus terjamin (1m).</li> </ul>	Pahang Selangor 2

KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023  
SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
<b>KERAJAAN UTHMANIAH</b>		
1	<p>Nyatakan <b>dua</b> pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>Dua pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Sogut</li><li>- Bursa</li><li>- Edirne</li><li>- Istanbul</li></ul>	Putrajaya 1
2	<p>Jelaskan <b>dua</b> faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>Dua faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding dengan kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan.</li><li>- Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi.</li><li>- Gerakan yang menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil.</li><li>- Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir untuk membangunkan negara</li></ul>	Putrajaya 1

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

NO	BAHAGIAN TOKOH SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
	<b>IMAM SYAFIE</b>	
	Imam Syafie merupakan salah seorang tokoh terkenal dalam bidang feqah	
1	<p>Nyatakan riwayat hidup Imam Syafie secara ringkas. <b>(3 markah)</b></p> <p><b>Riwayat hidup Imam Syafie</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama penuh : Muhammad bin Idris as Syafie</li> <li>- Tarikh lahir : 150H</li> <li>- Tempat lahir : Ghazzah</li> <li>- Tarikh wafat : 204H</li> <li>- Kuniyah : Abu Abdullah</li> <li>- Keperibadian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sanggup tinggal bersama-sama kaum Badwi demi menguasai kesusasteraan Arab</li> <li>• Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu</li> <li>• Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak Syiah dan ketika berdepan dengan Harun Al Rashid</li> <li>• Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana</li> <li>• Tinggi sifat warak dan kuat beribadat</li> </ul> </li> <li>- Guru yang tersohor : Imam Malik bin Anas, Sufian bi Uyainah, Muslim Khalid al Zanji</li> </ul>	Terengganu Sabah Sarawak Putrajaya 1
2	<p>Jelaskan <b>dua</b> sifat keperibadian beliau. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>Dua sifat keperibadian beliau :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum arab badwi demi menguasai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan arab.</li> <li>- Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.</li> <li>- Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak syiah dan ketika berhadapan dengan Khalifah Harun al-Rasyid.</li> <li>- Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana.</li> <li>- Tinggi sifat warak dan kuat beribadat.</li> </ul>	Putrajaya 1
3	<p>Jelaskan dua sumbangan beliau terhadap perkembangan Islam. <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Dua sumbangan Imam Syafie terhadap perkembangan Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghasilkan karya : Ar Risalah, Al Umm dan Al Musnad</li> <li>- Mengasaskan mazhab berdasarkan Ijmak, Qias dan Istidlal</li> <li>- Melahirkan ramai murid : Ahmad bin Hanbal, Abu Yaakub Yusuf bin Yahya al Buwaiti dan Abu Ibrahim Ismail bin Yahya Al Muzni</li> <li>- Mazhabnya tersebar ke negara Mesir, Iraq. Parsi, Syria, pakistan, India, Malaysia, China, Indonesia dan Brunei</li> </ul>	Terengganu Sabah Sarawak
4	<p>Senaraikan <b>dua</b> hasil karya beliau. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>Dua hasil karya Imam As-Syafie :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Al-Risalah</li> <li>- Al-Umm</li> <li>- Al-Musnad</li> </ul>	Putrajaya 1 Selangor 2
5	<p>Terangkan <b>dua</b> iktibar daripada keunggulan tokoh. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>Dua iktibar daripada keunggulan tokoh ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu [I] sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.[H]</li> <li>- Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab [I] supaya masyarakat hidup harmoni.[H]</li> <li>- Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari [I] supaya hidup diberkati Allah SWT.[H]</li> <li>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki [I] agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.[H]</li> <li>- Kita hendaklah berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu [I] agar tidak terpesong daripada syariat Islam.[H]</li> </ul>	Sabah Putrajaya 1

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
6	<p>Jelaskan <b>dua</b> iktibar daripada kegigihan Imam al-Syafie r.a. dalam menuntut ilmu. [4 markah]</p> <p><b>Dua</b> iktibar daripada kegigihan Imam Syafie r.a. dalam menuntut ilmu ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan Imam Syafie r.a. dalam menuntut ilmu(1m) sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu (1m).</li> <li>- Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari (1m) supaya hidup diberkati Allah SWT (1m).</li> <li>- Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab (1m) supaya masyarakat hidup harmoni (1m).</li> <li>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat (1m).</li> <li>- Kita hendaklah berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu (1m) agar tidak terpesong daripada syariat Islam (1m).</li> <li>- Kita hendaklah sanggup bermusafir jauh (1m) kerana cinta pada ilmu (1m).</li> <li>- Kita hendaklah berguru dengan ramai tokoh ilmuan yang terkemuka (1m) untuk memantapkan ilmu pengetahuan (1m).</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> <b>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</b></p>	Sarawak
<b>IMAM MALIK</b>		
	Imam Malik adalah seorang tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam Tamadun Islam.	
1	<p>Nyatakan <b>dua</b> cara Imam Malik mengasaskan mazhab (<b>2 markah</b>)</p> <p><b>Cara Imam Malik mengasaskan mazhab:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Amalan penduduk Madinah.</li> <li>- Qias.</li> <li>- Masalihul Mursalah.</li> </ul>	Kelantan
2	<p>Jelaskan <b>dua</b> sifat kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu. (<b>4 markah</b>)</p> <p><b>Dua kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sanggup berpanas terik demi menuntut ilmu.</li> <li>- Menahan kesejukan demi menuntut ilmu.</li> <li>- Sanggup berkorban dalam apa jua keadaan .</li> </ul>	Kelantan
<b>IMAM ABU HANIFAH</b>		
1	<p>Nyatakan riwayat hidup Imam Abu Hanifah (<b>3 markah</b>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Riwayat hidup Imam Abu Hanifah.:</li> <li>- Nama penuh: Nukman bin Thabit al-Kufi</li> <li>- Tarikh lahir: 80H di Kufah</li> <li>- Tarikhmeninggal dunia:150H</li> <li>- Kunyah: Abu Hanifah</li> <li>- Keperibadian: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Sangat memuliakan ilmu pengetahuan</li> <li>o Kuat beribadah seperti sentiasa melakukan qiamullail, berpuasa sunat dan selalukhatam al-Quran</li> <li>o Seorang yang pemurah dan penyayang</li> <li>o Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan</li> </ul> </li> <li>- Guru termasyhur: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Hamad bin Abi Sulaiman</li> <li>o Ata bin Yasar</li> <li>o Amru bin Dinar</li> </ul> </li> </ul>	Selangor

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
2	<p>Nyatakan tiga sumbangan Imam Abu Hanifah <b>(3 markah)</b></p> <p><b>Tiga sumbangan Imam Abu Hanifah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghasilkan kitab Al-Faraid, Al-Fiqh al-Akbar dan Al-'Alim wal Muta'alim</li> <li>- Mengasaskan mazhab berdasarkan fatwa sahabat, qias, istihsan,</li> <li>- ijmak dan 'uruf Murid Imam Abu Hanifah yang terkenal ialah Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hasan al-Syafii dan Zufar bin Al-Huzail</li> </ul>	Selangor
<b>SALAHUDIN AL AYUBI</b>		
1	<p>Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahudin Al Ayubi</p> <p><b>Riwayat hidup Salahudin Al Ayubi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama Penuh : Yusuf bin Ayub bin Syazi</li> <li>- Tarikh lahir : 532H</li> <li>- Tarikh meninggaldunia : 589H</li> <li>- Jawatan : Pemerintah kerajaan Al Ayubiah</li> <li>- Ketinggian akhlak : menghormati para ulamak Berani mempertahankan Islam Prihatin terhadap kebajikan rakyat</li> <li>- Guru tersohor : Ali bin Al hasan bin Hibbatullah bin Asakir al Damsyiki</li> </ul>	Pulau Pinang
2	<p>Nyatakan tiga sumbangan Salahudin Al Ayubi</p> <p><b>Tiga sumbangan Salahudin Al Ayubi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketenteraan : membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera Salib</li> <li>- Keilmuan : Mengembalikan semula pegangan akidah ahli Sunah wal jamaah dalam sistem pendidikan</li> <li>- Pentadbiran : Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital yang dinamakan al Bimarstan al Atiq</li> <li>- Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit</li> <li>-</li> </ul>	Pulau Pinang
3	<p>Nyatakan dua ketinggian akhlak Salahudin Al Ayubi <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Dua ketinggian akhlak Salahuddin al-Ayubi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghormati para ulama</li> <li>- Berani mempertahankan agama</li> <li>- - Prihatin terhadap kebajikan rakyat</li> </ul>	Selangor
4	<p>Terangkan dua iktibar daripada ketokohan Salahudin Al Ayubi <b>(4 markah)</b></p> <p><b>Dua iktibar daripada ketokohan Salahuddin al-Ayubi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah (Isi) agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar (Huraian)</li> <li>- Kita hendaklah berusaha menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (Isi) agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara (Huraian)</li> <li>- Kita hendaklah berkerjasama membangunkan negara (Isi) supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa (Huraian)</li> <li>- Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti (Isi) supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara (Huraian)</li> </ul>	Selangor

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

<b>AHMAD BIN IBRAHIM</b>		
	Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh cendekiawan Islam yang terkemuka di Malaysia.	
1	<p>Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Prof. Dr. Ahmad Ibrahim. <b>[2 markah]</b></p> <p><b>riwayat hidup tokoh tersebut.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama sebenar -Ahmad bin Muhamad b. Ibrahim</li> <li>- Lahir : 15 Mei 1916</li> <li>- Tarikh meninggal dunia :17 April 1999</li> <li>- Gelaran : Professor Emeritus Tan Sri Doktor</li> <li>- Pekerjaan : Pensyarah Kuliah Undang-undang di UIAM</li> <li>- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah</li> <li>- Ketinggian akhlak : Suka menyebarkan ilmu,</li> <li>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perceraian.</li> <li>- Tahap Pendidikan :Victoria Bridge ,Raffles Institution,Raffles Kolej</li> <li>-</li> </ul>	Melaka Pahang Johor Perlis SBP Kedah N9 Putrajaya 2 Selangor 2
2	<p>Nyatakan biodata beliau dari aspek : <b>(2 markah)</b></p> <p>a) Nama b) Gelaran</p> <p><b>Biodata Ahmad bin Ibrahim dari aspek :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama penuh : Ahmad bin Muhamad Ibrahim</li> <li>- Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor</li> <li>-</li> </ul>	Perak
3	<p>Nyatakan dua pekerjaan beliau. <b>(2 markah)</b></p> <p><b>Dua pekerjaan Ahmad bin Ibrahim</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pensyarah – Kuliyah undang-undang UIAM</li> <li>- Hakim : Mahkamah rayuan dan Mahkamah Syariah</li> </ul>	Terengganu
4	<p>Jelaskan <b>dua</b> ketinggian akhlak Ahmad bin Ibrahim.( <b>4 markah</b>)</p> <p><b>Dua ketinggian akhlak Ahmad bin Ibrahim</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Suka menyebarkan ilmu</li> <li>- Menjaga etika keadilan ketika mengadakan kes perbicaraan</li> <li>-</li> </ul>	Perak Putrajaya 2
5	<p>Jelaskan <b>dua</b> sumbangan beliau dalam bidang perundangan. <b>(di malaysia : Johor) [4 markah]</b></p> <p><b>Dua sumbangan tokoh dalam bidang perundangan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghasilkan buku Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia / buku Family Law in Malaysia</li> <li>- Pelopor Jurnal Hukum</li> <li>- Menghasilkan buku Sistem Undang-undang Malaysia / buku Islamic Law in Malaysia</li> <li>- Menjadi Hakim Mahkamah Rayuan</li> <li>- Menjadi Hakim Mahkamah Syariah</li> <li>- Menjadi anggota Panel Pengasas Kuliah Undang-Undang di UIAM</li> <li>- Menjadi pengasas dan penggubal Enakmen Undang-undang Islam Kelantan</li> </ul>	Melaka Johor N9

**KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023**  
**SOALAN 4 BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH**

NO	SOALAN DAN SKEMA	NEGERI
6	<p>Senaraikan tiga sumbangan beliau dalam sejarah Islam (3 markah)</p> <p><b>Tiga sumbangan beliau dalam sejarah Islam :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hasil karya : <ul style="list-style-type: none"> <li>Buku undang-undang keluarga Islam di Malaysia seperti : <ul style="list-style-type: none"> <li>o Undang-undang keluarga Islam di Malaysia.</li> <li>o Family Law In Malaysia.</li> <li>o Pelopor jurnal hukum.</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>- Menghasilkan buku-buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Sistem undang-undang Malaysia</li> <li>o Islamic Law In Malaysia</li> </ul> </li> <li>- Kehakiman : <ul style="list-style-type: none"> <li>o Hakim mahkamah rayuan dan mahkamah syariah.</li> </ul> </li> <li>- Perundangan : <ul style="list-style-type: none"> <li>o Anggota panel pengasas kuliah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.</li> <li>o Pengasas dan penggubal enakmen undang-undang Islam (hudud dan qisas) Kelantan pada tahun 1991.</li> </ul> </li> </ul>	Pahang Perlis SBP Putrajaya2 Selangor 2
7	<p>Jelaskan dua sumbangannya dalam bidang</p> <p>a) Perundangan b) Hasil karya</p> <p><b>Dua sumbangannya ialah:</b></p> <p>a) Bidang Perundangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anggota Panel Pengasas Kuliyah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.</li> <li>- Pengasas dan penggubal Enakman Undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada tahun 1991.</li> </ul> <p>b) Hasil karya tokoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Buku Undang-undang keluarga Islam di Malaysia / Family Law in Malaysia.</li> <li>- Pelopor Jurnal Hukum.</li> <li>- Sistem Undang-undang Malaysia.</li> <li>- Islamic Law in Malaysia.</li> </ul>	Kedah
8	<p>Terangkan <b>dua</b> iktibar/<b>ibrah</b> yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh tersebut. <b>[4 markah]</b></p> <p><b>Dua iktibar daripada keunggulan tokoh Ahmad bin Ibrahim :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh Ahmad bin Ibrahim dalam menuntut ilmu (1m) sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu (1m).</li> <li>- Kita hendaklah bersifat cecal menyebarkan dakwah Islamiyah(1m) agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar (1m).</li> <li>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara (1m).</li> <li>- Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti (1m) supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara (1m).</li> <li>- Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara (1m) supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa (1m).</li> </ul>	Melaka Pahang Terengganu SBP Kedah N9 Putrajaya 2